



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/10/120 (HQ)

GANGGUAN ELEKTRIK DI JAMBATAN PULAU PINANG: BEKALAN TNB DALAM KEADAAN BAIK

- TNB beri kerjasama untuk segera kembalikan bekalan sebaik kerja baikpulih PLUS selesai

Gangguan bekalan elektrik di Jambatan Pulau Pinang sejak malam semalam (1 Oktober 2021) dirujuk.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan hasil semakan dengan pihak PLUS Malaysia Berhad (PLUS) mendapati gangguan berpunca di bahagian pihak PLUS yang sedang giat menjalankan kerja-kerja pemulihan bekalan.

Pengujian atas bekalan yang disalurkan TNB ke jambatan pula mendapati kabel TNB berada dalam keadaan baik dan bekalan di pihak TNB sedia untuk dibekalkan.

TNB sedang memberikan kerjasama kepada pihak PLUS dan sentiasa bersedia bagi membolehkan bekalan dikembalikan sepenuhnya, setelah kerja-kerja baikpulih oleh pihak PLUS selesai.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2021, jam 9.00 malam

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229

atau emel kami: media@tnb.com.m